

24 JUN 2003

Mahathir-Abdullah/I

ABDULLAH SESUAI AMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah orang yang paling sesuai untuk menggantikannya selepas beliau berundur pada Oktober ini.

Dr Mahathir berkata, beliau mempunyai keyakinan pada Abdullah dalam melaksanakan dasar-dasar negara.

"Saya rasa beliau orang yang sangat sesuai untuk mengambil alih daripada saya," kata beliau apabila ditanya oleh seorang pemberita stesen televisyen Abu Dhabi di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Pemberita itu bertanya kepada Dr Mahathir sama ada beliau yakin dengan kemampuan Abdullah dalam mengambil alih pucuk pimpinan negara selepas beliau berundur.

Dr Mahathir berkata: "Kami telah berjuang bersama-sama bagi tempoh yang lama. Kami mengenali baik satu sama lain, dan saya tidak menghadapi masalah untuk menjalankan tugas dengan beliau."

Bagi satu lagi soalan sama ada beliau khuatir selepas beliau berundur, kerajaan baru akan menukar dasar-dasar semasa, Perdana Menteri berkata kerajaan negara ini mengamalkan keputusan kolektif melalui Kabinet dan beliau "tidak khuatir mengenainya."

Perdana Menteri berkata: "Kita daripada satu parti dan dasar parti tetap kekal walaupun pemimpin parti bertukar," katanya.

Beliau berkata: "Keputusan dibuat oleh Kabinet dan semua orang terikat kepada Kabinet. Ia bukan keputusan Perdana Menteri sahaja."

"Di sini, kita amalkan keputusan kolektif melalui Kabinet," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri muncul dengan idea, "tetapi jika Kabinet tidak bersetuju, idea itu tidak boleh menjadi kenyataan."

"Inilah amalan rasmi kerajaan dan cara kerajaan menangani apa-apa keadaan diputuskan oleh Kabinet," katanya.

Sementara itu menjawab soalan pemberita tempatan mengenai pembentangan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2003, Dr Mahathir berkata tujuan kerajaan menambah kerusi Parlimen sebanyak 25 lagi, menjadikan keseluruhan jumlah kerusi sebanyak 219, adalah bagi memastikan rakyat mendapat wakil.

Bukan bertujuan memastikan Barisan Nasional (BN) mendapat undi yang banyak dalam pilihan raya, katanya.

"Tak tambahpun kita boleh memang. Pada tahun 1999 tak ada tambahan (kerusi Parlimen) tapi menang tiga perempat kerusi (Parlimen)," katanya.

Untuk itu, persempadanan semula kawasan pilihan raya "bukan pasal nak menang kita tambah (kerusi Parlimen)," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kalau satu wakil, orangnya terlalu banyak maka tak dapat dengar masalah penduduk."

Menyentuh sama ada Dewan Rakyat yang ada sekarang perlu dipindahkan atau diperbesar bagi mengatasi masalah pertambahan jumlah wakil rakyat, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak ada rancangan mengenai perkara itu.

Beliau berkata malah di House of Commons, London, "bilangan tempat duduk jauh kurang daripada bilangan anggota Parlimen."

"Anda datang awal untuk mendapatkan tempat, jika anda lewat anda tidak akan dapat tempat," katanya.

"Khasnya semasa mereka mengadakan persidangan bersama antara Senat dan Parlimen, sehinggakan mereka terpaksa duduk atas lantai," katanya.

Pada masa ini dewan yang memuatkan 194 kerusi wakil rakyat kelihatan

begitu padat, dan jika ditambah dengan 25 kerusi lagi ianya akan kelihatan begitu sendat.

Mengenai sama ada perubahan kecil pada Kabinet yang diumumkan hari ini dengan Datuk Chan Kong Choy dilantik sebagai Menteri Pengangkutan baru menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menandakan berakhirnya rancangan damai, Perdana Menteri berkata: " Kita tak ambil kira A ke B ke C ke atau D ke. Kita cuma ganti kerana Datuk Dr Ling letak jawatan."

-- BERNAMA

HK HK PR